



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	14 October 2015



Najib membaca surah Yasin pada **majlis sambutan Maal Hijrah 1437H** peringkat kebangsaan di Masjid Negara, malam tadi. Yang turut serta bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom. (FOTO ASYRAF HAMZAH/BH)

“**Sambutan Maal Hijrah hari ini menghubungkan kembali umat Islam dengan peristiwa agung yang memberi impak tinggi kepada ketamadunan insan menerusi peristiwa hijrah Rasulullah SAW dan sahabat ke Kota Madinah**”

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

B4-14/10/2015

# Hijrah sumber iltizam bentuk umat terbaik

» Pendekatan wasatiyyah berupaya lahir negara maju, berpendapatan tinggi: Najib

Oleh Nazura Ngah  
nazura\_ngah@bh.com.my

Kuala Lumpur

**P**endekatan wasatiyyah bersendikan Maqasid Syariah dengan Ahli Sunah Wal Jamaah sebagai pegangan berupaya menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi, kata Datuk Seri Najib Razak.

Meskipun berdepan cabaran ekonomi dan politik, Perdana Menteri berkata cita-cita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan makmur akan diteruskan.

Katanya, dunia ketika ini berdepan dengan pelbagai bentuk ekstremisme dengan ekstremis radikal seperti kumpulan Negara Islam (IS) membuat onar mencalar kesucian Islam yang sebenarnya.

"Pada satu hujung yang lain muncul pula kelompok pelampau menjadikan liberalisme sebagai akar budi mereka. Pelampau liberalisme ini melonggarkan segalanya hatta agama.

"Ini juga suatu ekstrem yang membawa ancaman kepada keselamatan dan kesejahteraan negara," katanya dalam perutusan Maal Hijrah 1437/2015, semalam.

Paksi wawasan Najib berharap semangat hijrah akan menjadi sumber kesungguhan dan iltizam kepada semua pihak untuk menjadi umat yang terbaik, sekali gus mampu membawa rahmat rihal Islam ke seluruh alam sepanjang zaman.

Beliauberkata, sejarah menjadi sumber penting untuk sebuah negara mengorak langkah ke hadapan, selain menjadi paksi dalam membentuk wawasan.

"Wawasan nasional kita adalah untuk menjadi sebuah negara Islam moden yang maju dan berpendapatan tinggi,

manakala wawasan global pula ialah untuk menjadikan dunia yang mengandungi panca negara, bangsa, bahasa dan agama ini sebagai medan kehidupan sejahtera dan makmur" katanya.

Perdana Menteri berkata, sambutan Maal Hijrah hari ini menghubungkan kembali umat Islam dengan peristiwa agung yang memberi impak tinggi kepada ketamadunan insan menerusi peristiwa hyrah Rasulullah SAW dan sahabat ke Kota Madinah.

"Kota bertuah, sebelumnya bernama- Yathrib yang bermakna 'dukacita' bertukar kepada Kota Yang Bercahaya (Madinah Munawarah). Cahaya yang memancar daripada Madinah inilah, yang menjadi sumber kepada transformasi ketamadunan dan kemakmuran manusia kemudiannya.

- "Limpahan cahaya ini akhirnya mewarnai serta mencorakkan Tanah Arab, Eropah, Afrika, benua kecil India hatta ke China. Sudah tentu gugusan Nusantara juga disinari dengan cahaya rahmat ini.

"Malah, ada pakar sejarah menukilkan bahawa sejarah Islam di Nusantara ini bermula seawal zaman hayat Baginda Nabi Muhammad SAW lagikatanya.

Najib berkata, perkara itu ditekankan ketika berucap pada perbincangan umum sesi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-70 di New York, baru-baru ini.

Katanya, beliau menegaskan sesebuah negara Islam berperanan untuk mempromosikan perlumbaan dari segi kemuliaan, pengetahuan, kebaikan, simpati dan merendahkan diri tanpa paksaan.

Hayat sirah penghijrahan Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, mengajak umat Islam menghayati sirah penghijrahan Rasiullah serta kejayaan Baginda menyetatkan kaum Aus dan Khazraj kemudian kaum Ansar dan Muh'jirin menjadi saudara.

"Semangat perpaduan inilah yang harus ditejemahkan dan diterapkan dalam realiti kehidupan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya di negara kita," katanya dalam kenyataan malam tadi.

## KL kutuk pengeboman di Ankara

**Kuala Lumpur:** Malaysia mengutuk kejadian pengeboman di Ankara, Turki, yang mengakibatkan 95 terbunuh, manakala 246 cedera, Sabtu lalu.

Kementerian Luar dalam kenyataan media berkata Kerajaan Malaysia juga menyampaikan ucapan takziah dan rasa simpati kepada keluarga semua mangsa yang terabit dalam insiden itu.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menerusi satu perutusan kepada Presiden Turki menegaskan komitmen Malaysia dalam memerangi keganasan dan pembabitn negara ini dalam usaha sejagat dan antarabangsa mengenainya.

"Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman juga mengutus ucapan takziah kepada rakan sejawatnya," kata kenyataan itu.

○ Hijrah semasa atasi krisis umat sejagat  
- RENCANA 28

○ Hijrah tuntutan jihad tingkat mutu ummah  
- RENCANA 29